

02 AUG 1997

Samy Vellu-MIC

SAMY VELLU CADANG PELAN TINDAKAN STRATEGIK

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini mencadangkan satu pelan tindakan strategik sebagai rancangan asas kecekapan yang diperlukan bagi masa depan masyarakat India Malaysia.

Katanya strategi itu boleh membantu membina kecekapan yang perlu bagi menyediakan masyarakat itu menghadapi cabaran-cabaran pada alaf akan datang.

Menteri Kerja Raya itu berkata ia juga akan membantu menyediakan masyarakat India untuk mencapai perkongsian yang penting dalam kekayaan ekonomi masa depan menjelang era ekonomi digital.

"Dalam menggubal pelan ini kita akan menganalisis kaitan yang perlu antara hari ini dan esok serta matlamat jangka pendek dan panjang bagi masyarakat India," katanya pada Perhimpunan Agung MIC ke-51 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Samy Vellu juga berkata masyarakat India Malaysia harus menghadapi realiti Koridor Raya Multimedia dan cabaran-cabaran yang mengiringinya dengan melengkapkan diri mereka dengan pendidikan, sikap, kepandaian, kreativiti dan kecekapan yang betul.

"Ini yang kita panggil peluang-peluang yang muncul dan masyarakat India harus menggunakan sepenuhnya peluang-peluang itu. Kita harus mencipta satu masa depan bagi anak-anak kita. Mewujudkan satu masa depan adalah lebih mencabar berbanding bermain kejar-kejar. Masyarakat India Malaysia telah mengamalkan permainan itu sejak 50 tahun lepas tanpa banyak kejayaan," katanya.

Samy Vellu berkata kaum India Malaysia mempunyai sikap yang betul ke arah teknologi maklumat, "mereka boleh memintasi sektor industri tradisional dan melompat ke dalam sektor maklumat untuk menggantikan apa yang telah hilang."

Beliau juga berkata sejak seabad lepas, masyarakat India yang terkurung dalam ladang-ladang dan pada dekad kebelakangan ini menjadi setinggian bandar, telah membentuk satu cabang budaya, memencilkan diri mereka daripada arus perdana masyarakat Malaysia.

"Sementara saya yakin bahawa sejumlah besar masyarakat India Malaysia akan mendapat manfaat daripada banyak peluang di negara Malaysia modern ini, sekumpulan masyarakat kita berada di pinggir pembangunan terutama pekerja perladangan dan setinggian," katanya.

Oleh itu katanya tindakan segera harus diambil pada peringkat dasar dan pelaksanaan untuk mengelakkan munculnya "masyarakat yang kerugian" dan "masyarakat jahat" dalam Malaysia modern ini.

Sambil mengulangi komitmen MIC terhadap memperbaiki status pendidikan masyarakat India, beliau menggesa mereka untuk tidak menyetepikan kepentingan menabung sebagai satu cara memenuhi keperluan pendidikan anak-anak mereka.

Samy Vellu yang telah memimpin parti sejak 17 tahun lepas turut berterima kasih kepada perwakilan dan anggota kerana memilih beliau tanpa dicabar untuk memimpin MIC bagi penggal baru selama tiga tahun lagi.

Perhimpunan agung itu yang diadakan pada tarikh yang sama dengan penubuhan MIC 51 tahun lepas, dihadiri 1,350 perwakilan dan kira-kira 1,000 pemerhati. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan perhimpunan itu pagi ini. -- BERNAMA

RV RON